

Panduan Pendaftaran Perniagaan Dan Pembaharuan Perniagaan Melalui Skim 1 Orang Kurang Upaya 1 Perniagaan (S1O1P) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

1. Berkuatkuasa pada 23 Oktober 2012, bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 diberi pengecualian Fi Pendaftaran dan Pembaharuan. Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) ini dilaksanakan sehingga kini.
2. S1O1P ini diberikan untuk tempoh satu tahun pendaftaran perniagaan baru dan pembaharuan perakuan pendaftaran yang didaftarkan. Permohonan maklumat perniagaan dan cawangan dikenakan bayaran seperti biasa.
3. Pengecualian Fi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan adalah seperti berikut:
 - (a) Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan – RM30 setahun; dan
 - (b) Perniagaan milikan tunggal atau perkongsian menggunakan nama tred – RM60 setahun.
 - (c) Pembaharuan pendaftaran perniagaan hendaklah dilakukan dalam tempoh **30 hari sebelum tarikh luput perniagaan** untuk tempoh setahun sahaja.
4. Permohonan yang layak untuk skim ini seperti berikut:
 - (a) Warganegara berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan;
 - (b) OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia; dan
 - (c) Belum mendaftarkan perniagaan dan pembaharuan menggunakan skim ini di SSM.
5. Pemohon boleh memilih untuk mendaftar perkongsian (rakan kongsi hendaklah terdiri dari OKU sahaja).

6. Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di ezbiz.ssm.com.my. Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu, kemudian hadir sekali sahaja di pejabat SSM terdekat untuk pengesahan identiti pemilik bagi tujuan keselamatan pengguna perkhidmatan Ezbiz Online. Sila rujuk [Tatacara Mendaftar Akaun Pengguna Ezbiz](#), [Tatacara Pengguna Ezbiz Skim 1 OKU 1 Perniagaan \(S1O1P\)](#) dan [Tatacara Pengguna Ezbiz Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Perniagaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan \(S1O1P\)](#).
7. Semasa permohonan pengaktifan akaun pengguna Ezbiz, sila lampirkan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:
 - (a) Salinan kad pengenalan depan dan belakang (Mykad); dan
 - (b) Salinan kad OKU yang dikeluarkan oleh JKM.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.

'PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM'